SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SOALAN-SOALAN LAZIM

INISIATIF PENGURANGAN KOMPAUN SEBANYAK 95% DARIPADA NILAI ASAL KOMPAUN UNTUK KESALAHAN LAZIM BAGI PERMOHONAN PENGGULUNGAN SUKARELA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD DI BAWAH SEKSYEN 50 AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012

<table>
<tr><th></th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Bilakah tarikh mula berkuat kuasa inisiatif pengurangan kompaun ini?</td><td>Pengurangan kompaun ini berkuat kuasa 16 April 2025 hingga 30 September 2025.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Apakah jenis kesalahan yang layak mendapat pengurangan kompaun di bawah inisiatif pengurangan kompaun ini?</td><td>Jenis kesalahan yang layak mendapat inisiatif pengurangan kompaun adalah kesalahan lazim di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (APLT) 2012 adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Seksyen Kesalahan</th><th>Keterangan Kesalahan</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Seksyen 68(2)</td><td>Gagal menyerah simpan Perakuan Tahunan bagi setiap tahun kewangan</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Seksyen 68(3)</td><td>Gagal menyerah simpan Perakuan tahunan pertama dari tarikh pendaftaran perkongsian liabiliti terhad</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

	SOALAN	JAWAPAN
3.	Apakah **syarat** yang melayakkan pihak Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) menikmati **pengurangan kompaun sebanyak 95%?**	Pengurangan kompaun sebanyak 95% hanya terpakai bagi **seksyen kesalahan-kesalahan lazim** di bawah APLT 2012 dan tertakluk kepada PLT yang telah membuat **permohonan penggulungan sukarela PLT** di bawah seksyen 50 APLT 2012.
4.	Apakah jenis kesalahan yang **tidak layak** mendapat pengurangan kompaun di bawah inisiatif ini?	Kesalahan yang **TIDAK LAYAK** menikmati pengurangan kompaun di bawah inisiatif ini adalah melibatkan: i. Kompaun bagi **penyelesaian Luar Mahkamah** atau **Kertas Siasatan** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendakwaan & Litigasi serta Pejabat Negeri / Cawangan; ii. Kompaun yang dianggap oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) SSM sebagai **kesalahan tadbir urus korporat yang serius**; iii. Kompaun bagi kesalahan di bawah seksyen yang tidak termasuk dalam senarai kesalahan yang dinyatakan di soalan 2.
5.	Siapakah yang boleh membuat **permohonan pengurangan kompaun**	Pegawai pematuhan dan pekongsi PLT.

	SOALAN	JAWAPAN
	semasa pelaksanaan inisiatif ini?	
6.	Bagaimanakah cara pihak PLT boleh **memohon rayuan pengurangan kompaun** semasa pelaksanaan insiatif ini?	Rayuan pengurangan kompaun PLT hendaklah dihantar secara dalam talian melalui sistem MyLLP. Rujuk pautan berikut sebagai panduan: https://www.ssm.com.my/Pages/MyLLP.aspx
7.	Bolehkah permohonan pengurangan kompaun PLT dikemukakan di kaunter SSM atau melalui emel?	Tidak boleh. Rayuan pengurangan kompaun bagi PLT hendaklah dikemukakan secara dalam talian melalui sistem MyLLP.
8.	Adakah **surat rayuan** diperlukan semasa membuat permohonan pengurangan kompaun semasa pelaksanaan inisiatif ini?	Ya. Surat rayuan perlu dimuat naik di dalam sistem MyLLP semasa membuat permohonan pengurangan kompaun.
9.	Di manakah **pembayaran kompaun** yang telah ditawarkan pengurangan boleh dilakukan?	Pembayaran boleh dilakukan secara dalam talian melalui sistem MyLLP. Rujuk pautan berikut sebagai panduan: https://www.ssm.com.my/Pages/MyLLP.aspx

	SOALAN	JAWAPAN
10.	Bagaimanakah komuniti korporat boleh menyemak status kompaun?	Status kompaun boleh disemak melalui sistem MyLLP. Rujuk pautan berikut sebagai panduan: https://www.ssm.com.my/Pages/MyLLP.aspx
11.	Bolehkah bayaran kompaun dilakukan secara **ansuran**?	Tidak.
12.	Adakah amaun pengurangan **dikekalkan** selepas tamat tempoh inisiatif?	Tidak. Amaun kompaun akan kembali kepada amaun asal selepas tamat tempoh inisiatif.
13.	Apakah yang akan berlaku sekiranya kompaun yang telah diberi pengurangan tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan?	Sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan, amaun kompaun akan kembali kepada jumlah asal dan tindakan penguatkuasaan akan diambil.

PERMOHONAN PERIYSTIHARAN PEMBUBARAN SESUATU PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT) MELALUI PENGGULUNGAN SUKARELA DIBAWAH SEKSYEN 50 AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012 (APLT 2012) SEMASA TEMPOH MORATORIUM DARI 16 APRIL – 30 SEPTEMBER 2025

	SOALAN	JAWAPAN
1	Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan?	Permohonan boleh dibuat dalam talian melalui portal di pautan https://www.ssm4u.com.my.
2	Siapakah yang boleh membuat permohonan ini?	Pemohon mestilah salah seorang pekongsi dan didaftarkan sebagai salah seorang pengguna sah atau pengguna sah profesional untuk mengakses sistem MyLLP. Pegawai pematuhan yang juga sebagai seorang pekongsi juga boleh memohon.
3	Berapakah fi yang dikenakan untuk permohonan ini?	RM100
4	Adakah terdapat permohonan lanjutan tempoh masa semasa tempoh moratorium?	Tiada
5	Bolehkah pemohon menarik semula permohonan? Adakah sebarang bayaran dikenakan?	Pemohon boleh menarik semula permohonan bila-bila masa sebelum perakuan perisytiharan pembubaran dibuat oleh Pendaftar dengan menulis kepada Pendaftar dan menyatakan sebab-sebab penarikan semula permohonan tersebut. Fi yang dikenakan ialah RM100.
6	Adakah sesiapa sahaja boleh membuat bantahan?	Mana-mana pekongsi dan pemiutang PLT boleh membuat bantahan terhadap cadangan pembubaran PLT dalam masa 30 hari dari tarikh pengeposan notis berdasarkan subseksyen 4(a) atau penerbitan notis di surat akhbar berdasarkan subseksyen 4(c), mana-mana yang terkemudian.

		Bantahan secara bertulis boleh dibuat kepada Pendaftar di alamat berikut dengan memuatnaik salinan imbasan permohonan bantahan ini melalui sistem MyLLP: Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran (Seksyen Insolvensi) Suruhanjaya Syarikat Malaysia Tingkat 19, Menara SSM@Sentral, No. 7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur. Emel: enquiry@ssm.com.my
7	Apakah dokumen sokongan yang diperlukan?	Pemohon harus memuatnaik: 1. Suatu notis bertulis daripada Lembaga Hasil dalam Negeri yang menyatakan bahawa ia tiada bantahan terhadap Pendaftar untuk membuat perisytiharan pembubaran bagi perkongsian liabiliti terhad. 2. Suatu salinan notis yang dihantar kepada semua pekongsi di bawah Seksyen 50(4) APLT 2012 (Notis kepada pekongsi-pekongsi + bukti penerimaan resit/ pos berdaftar); 3. Salinan penerbitan iklan di dalam surat khabar (contoh: Iklan di dalam akhbar Bahasa Melayu & iklan di dalam akhbar Bahasa Inggeris) atau salinan iklan dari e-Advertisement LLP SSM; dan 4. Surat Akuan Berkanun di bawah Seksyen 50(3) APLT 2012.
8	Adakah Perakuan Tahunan perlu	Pemohon tidak perlu kemaskini perakuan tahunan semasa tempoh moratorium.

	diserahsimpan/ kemaskini semasa tempoh moratorium?	
9	Dimanakah saya boleh merujuk sekiranya memerlukan panduan lanjut?	Sila rujuk Garis Panduan Pengisytiharan Pembubaran Dalam Penggulungan Secara Sukarela Sebuah Perkongsian Liabiliti Terhad melalui laman portal rasmi SSM. • Contoh iklan Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris disediakan di dalam garis panduan. Sila rujuk Lampiran A untuk Bahasa Malaysia & Lampiran B untuk Bahasa Inggeris • Contoh Surat Akuan Berkanun disediakan di dalam garis panduan. Ia mesti di sahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah. Sila rujuk Lampiran C. Sila ambil maklum: 1. VW101 (dahulu dikenali sebagai Borang 16) & VW107 (dahulu dikenali sebagai Borang 17) hanya terpakai untuk permohonan dalam talian. 2. Permohonan mesti dihantar dalam masa 7 hari dari tarikh notis kepada pekongsi/tarikh notis diiklankan di surat khabar (mana-mana yang terkemudian) 3. Pemohon perlu melengkapkan templat di atas talian: 1. VW101 - Notis Akuan Pembubaran 2. VW107 - Notis Penyelesaian Pengagihan Aset (dalam masa 14 hari selepas lebihan aset telah diagihkan) *VW107 harus dilengkapkan dan diserahkan walaupun PLT tersebut tiada aset/lebihan aset.
10	Bagaimana untuk mengiklankan notis?	Pemohon mempunyai pilihan untuk mengiklankan notis sama ada di:

		1. Mana-mana surat khabar yang mempunyai edaran yang menyeluruh di seluruh negara, atau 2. Perkhidmatan e-Advertisement LLP SSM. Sila rujuk Manual Pengguna di dalam laman portal rasmi SSM melalui Produk > e-Advertisement > Maklumat SSM e-Advertisement > item (d): Manual Pengguna SSM e-Advertisement.
11	Berapakah fi e-Advertisement SSM PLT? Adakah fi e-Advertisement ini akan dikurangkan semasa tempoh moratorium?	Fi e-Advertisement LLP adalah RM500. Walau bagaimanapun semasa tempoh moratorium, fi e-Advertisement akan dikurangkan daripada RM500 kepada RM100 bagi setiap permohonan jika pemohon memilih untuk iklan diterbitkan melalui perkhidmatan e-Advertisement SSM bagi PLT.
12	Bolehkah pekongsi PLT memohon pembubaran secara sukarela dibawah Seksyen 50 Akta LLP 2012 jika PLT telah dikenakan kompaun?	Boleh. Pekongsi juga boleh memohon rayuan kompaun secara atas talian melalui sistem MyLLP selepas serahsimpan permohonan pembubaran secara sukarela dibawah Seksyen 50 Akta PLT 2012. PLT akan menikmati pengurangan kompaun sebanyak 95% daripada nilai tawaran kompaun asal semasa tempoh moratorium ini.

SOALAN – SOALAN LAZIM
MENGENAI SSM *e-Advertisement*
SEKSYEN 612A AKTA SYARIKAT 2016 DAN
SEKSYEN 76A AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012

VERSI BAHASA MALAYSIA

Bahagian A: SSM *e-Advertisement*

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah SSM *e-Advertisement*?	SSM *e-Advertisement* merupakan perkhidmatan yang disediakan oleh SSM sebagai platform untuk mengiklankan atau menyiarkan maklumat statutori syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) berdasarkan peruntukan akta seperti berikut: (a) Seksyen 612A Akta Syarikat 2016 berkuat kuasa pada 1 April 2024; dan (b) Seksyen 76A Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 berkuat kuasa pada 16 April 2025. Perkhidmatan ini disediakan sebagai satu alternatif kepada syarikat dan PLT untuk menggantikan keperluan statutori bagi mengiklankan atau menyiarkan maklumat statutori yang sebelum ini menggunakan akhbar yang diedarkan secara meluas di seluruh Malaysia.
2.	Bagaimana pengguna boleh mengakses perkhidmatan SSM *e-Advertisement*?	SSM *e-Advertisement* boleh diakses di portal SSM XCESS melalui pautan www.ssm4u.com.my

BIL	SOALAN	JAWAPAN
3.	Bilakah perkhidmatan SSM *e-Advertisement* boleh digunakan?	SSM *e-Advertisement* boleh digunakan bermula seperti tarikh berikut: (a) Syarikat - 30 November 2024 (b) PLT - 16 April 2025
4.	Adakah SSM *e-Advertisement* tersedia sepanjang masa?	Ya. SSM *e-Advertisement* tersedia 24 jam, 7 hari.
5.	Kenapa saya perlu menggunakan SSM *e-Advertisement*?	(a) Perkhidmatan sah yang disediakan oleh SSM; (b) Pengiklanan boleh dibuat secara talian; (c) Dapat mengurangkan kos pengiklanan yang tinggi yang perlu ditanggung oleh syarikat dan PLT; (d) Tempoh paparan pengiklanan selama tujuh hari.
6.	Apakah terma dan syarat penerbitan atau pengiklanan maklumat di portal rasmi SSM di bawah Seksyen 612A Akta Syarikat 2016 dan Seksyen 76A Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012?	Pengguna boleh merujuk nota amalan di portal rasmi SSM seperti berikut: (a) Syarikat: • Practice Note No. 7/2024: Publication Or Advertisement On The Official Website Of The Companies Commission Of Malaysia (SSM) In Lieu Of Any Information Required To Be Published Or Advertised Under The Companies Act 2016 (b) PLT:

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		• Practice Note No. 6 2025- Publication or advertisement on the official website of the SSM pursuant to section 76A of LLPA 2012
7.	Apakah senarai peruntukan yang tertakluk di bawah Seksyen 612A Akta Syarikat 2016 dan Seksyen 76A Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012?	Pengguna boleh merujuk nota amalan di portal rasmi SSM seperti berikut: (a) Syarikat: • Practice Note No. 7/2024: Publication Or Advertisement On The Official Website Of The Companies Commission Of Malaysia (SSM) In Lieu Of Any Information Required To Be Published Or Advertised Under The Companies Act 2016 (b) PLT: • Practice Note No. 6_2025- Publication or advertisement on the official website of the SSM pursuant to section 76A of LLPA 2012

Bahagian B: Pendaftaran dan Pengaktifan Akaun melalui Portal SSM4U

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimanakah cara untuk saya mendaftar sebagai pengguna portal SSM4U?	Cara mendaftar sebagai pengguna SSM4U adalah seperti langkah-langkah berikut: **Langkah 1**: Layari portal SSM4U di pautan www.ssm4u.com.my;

BIL	SOALAN	JAWAPAN	
		Langkah 2:	Klik butang *REGISTER* untuk membuat pendaftaran akaun SSM4U;
		Langkah 3:	Klik menu *drop down* di ruangan *ID Type* dan sila pilih jenis *ID*, kemudian pengguna perlu melengkapkan maklumat nama, nombor kad pengenalan dan alamat e-mel;
		Langkah 4:	Skrin *User Profile Register* akan dipaparkan dan pengguna perlu melengkapkan maklumat pengguna di ruangan *Registration Information;*
		Langkah 5:	Skrin akan memaparkan *Registration Success* apabila pengguna berjaya melengkapkan pendaftaran;
		Langkah 6:	Pengguna akan menerima e-mel notifikasi dari SSM4U untuk mengesahkan alamat e-mel yang didaftarkan di portal SSM4U; dan
		Langkah 7:	Pengguna boleh *log* masuk ke portal SSM4U menggunakan *login* ID dan kata laluan yang

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		telah ditetapkan semasa proses pendaftaran.
2.	Adakah saya perlu menjadi pengguna sah (*Verified User)* sebelum menggunakan perkhidmatan SSM *e-Advertisement*?	Pengguna perlu menjadi pengguna sah (*Verified User)* dengan mengaktifkan akaun SSM4U untuk mengakses *core services* seperti SSM *e-Advertisement*.
3.	Bagaimanakah cara pengaktifan akaun SSM4U?	Pengguna boleh mengaktifkan akaun SSM4U dengan dua cara berikut: (a) Hadir ke kaunter SSM yang berhampiran; atau (b) Pengaktifan secara dalam talian Sila rujuk Manual Pengguna untuk maklumat lanjut.

Bahagian C: Permohonan Pengiklanan SSM *e-Advertisement*

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah prosedur permohonan pengiklanan melalui SSM e-*Advertisement*?	Permohonan pengiklanan SSM e-*Advertisment* boleh dilaksanakan secara dalam talian melalui portal SSM XCESS. Sila layari www.ssm4u.com.my
2.	Apakah *browser* yang sesuai digunakan untuk portal ini?	Paparan terbaik adalah menggunakan edisi terkini *Chro*me, *Edge, Mozilla* dan *Internet Explorer*.
3.	Siapakah yang boleh membuat permohonan pengiklanan melalui perkhidmatan SSM *e-Advertisement* untuk syarikat dan PLT?	Permohonan pengiklanan SSM *e-Advertisement* untuk syarikat dan PLT boleh dibuat oleh individu-individu seperti berikut: (a) Pengarah Syarikat; (b) Setiausaha Syarikat;

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		(c) Pegawai Penerima (syarikat & PLT); (d) Pegawai Pematuhan PLT; (e) Penama (syarikat & PLT); (f) Penyelesai Interim (syarikat & PLT); (g) Penyelesai (syarikat & PLT); (h) Pengurus Kehakiman Interim (syarikat & PLT); (i) Pengurus Kehakiman (syarikat & PLT); (j) Pemiutang Syarikat; dan (k) Peguam Cara Pemohon (syarikat & PLT).
4.	Apakah bahasa yang boleh digunakan dalam pengiklanan yang dipaparkan?	Bahasa yang boleh digunakan dalam pengiklanan adalah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
5.	Berapakah bilangan aksara yang ditetapkan untuk pengiklanan ini?	Bilangan aksara yang ditetapkan adalah tidak melebihi 3000 bagi setiap bahasa.
6.	Berapakah fi bagi pengiklanan SSM *e-Advertisement*?	Fi pengiklanan adalah sebanyak RM500 bagi setiap permohonan.
7.	Adakah syarikat yang bertukar status kepada PLT boleh membuat permohonan pengiklanan di SSM *e-Advertisement* dan apakah caranya?	Boleh. Pengguna perlu mengisi nombor syarikat semasa membuat carian dan seterusnya melengkapkan permohonan. Pelanggan boleh merujuk kepada Manual Pengguna untuk maklumat lanjut.
8.	Apa yang perlu saya lakukan jika saya ingin membuat perubahan kandungan selepas iklan dipaparkan?	Pengguna tidak dibenarkan membuat perubahan selepas pengiklanan dipaparkan. Sekiranya pengguna ingin membuat perubahan, permohonan pengiklanan baharu perlu dilakukan dan bayaran akan dikenakan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
9.	Sekiranya terdapat kesilapan dalam pengiklanan, adakah saya boleh menarik semula iklan tersebut dan memohon pemulangan wang?	Iklan yang telah dipaparkan tidak boleh ditarik semula dan pemulangan wang tidak dibenarkan. Pengiklanan akan terus dipaparkan dalam tempoh yang ditetapkan.
10.	Adakah menjadi kesalahan sekiranya maklumat yang diiklankan adalah palsu atau tidak benar?	Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 591 Akta Syarikat 2016 untuk membuat atau membenarkan membuat kenyataan yang seseorang tahu adalah palsu atau mengelirukan dan orang itu boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau denda tidak melebihi RM3 juta atau kedua-duanya sekali.
11.	Apakah yang boleh saya lakukan sekiranya terdapat masalah ketika melakukan permohonan pengiklanan di SSM *e-Advertisement*?	Pelanggan boleh merujuk kepada Manual Pengguna; atau Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi SSM Customer Care (SSMCC) di bahagian Aduan & Maklumbalas, SSM Chatbot, Live Chat SSM yang boleh diakses melalui portal rasmi SSM, talian telefon 03-7721 4000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my.

Bahagian D: Status Pembayaran dan Dokumen Pengiklanan

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimana saya boleh menyemak transaksi permohonan iklan yang berjaya?	Transaksi yang berjaya boleh disemak pada tab *My Orders* di portal SSM XCESS. Status pembayaran *Complete* akan dipaparkan di tab tersebut. Pelanggan boleh mencetak dan menyimpan resit sebagai rujukan. Notifikasi e-mel akan dihantar setelah pembayaran berjaya.
2.	Sekiranya, resit bayaran saya hilang, di manakah saya boleh mencetak semula resit saya?	Untuk mencetak semula resit bayaran, pelanggan boleh *log* masuk ke portal SSM XCESS untuk mencetak semula resit.
3.	Apakah yang perlu saya lakukan jika pembayaran permohonan berjaya, tetapi status dalam portal SSM XCESS menunjukkan permohonan masih belum dibayar?	Sila log masuk *ID* pengguna di portal SSM XCESS. Jika status pembayaran masih berstatus *pending payment*, pelanggan boleh menghubungi SSM Customer Care (SSMCC) di bahagian Aduan & Maklumbalas, SSM Chatbot, Live Chat SSM yang boleh diakses melalui portal rasmi SSM, talian telefon 03-7721 4000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my.
4.	Bagaimana jika saya ingin mendapatkan salinan dokumen pengiklanan yang berjaya?	Pelanggan boleh memuat turun salinan dokumen pengiklanan di portal SSM XCESS dalam tempoh tujuh hari selepas tarikh permohonan pengiklanan berjaya. Walau bagaimanapun, pelanggan dinasihatkan untuk menyimpan salinan dokumen di *folder* sebagai rujukan.
5.	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya pengiklanan tidak dapat dimuat turun dalam	Pelanggan boleh menghubungi SSM Customer Care (SSMCC) di bahagian Aduan & Maklumbalas, SSM Chatbot, Live Chat SSM yang boleh diakses

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	tempoh tujuh hari dari tarikh permohonan pengiklanan dibuat?	melalui portal rasmi SSM, talian telefon 03-7721 4000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my.

Bahagian E: Paparan Iklan

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Setelah permohonan pengiklanan diluluskan, di manakah iklan tersebut akan dipaparkan dan berapa lama tempoh paparan?	Iklan akan dipaparkan di portal rasmi SSM selama tujuh hari. Untuk maklumat lanjutan, sila rujuk kepada Manual Pengguna.
2.	Siapakah yang boleh melihat iklan yang dipaparkan di portal rasmi SSM?	Orang awam. Capaian adalah secara percuma.

Bahagian F: Pembelian Dokumen Salinan Iklan

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bolehkah salinan iklan dibeli?	Tidak.

Bahagian G: Manual Pengguna dan Nota Amalan

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah manual pengguna dan nota amalan disediakan dan di manakah kedua-dua	Manual Pengguna dan Nota Amalan boleh diakses di portal rasmi SSM.

	dokumen ini boleh diakses?	

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
April 2025